

Naza TTDI jalin usaha sama perhotelan 2017

KUALA LUMPUR – Naza TTDI Sdn. Bhd. (Naza TTDI) menyasarkan untuk memuktamadkan usaha sama dengan bakal pelabur komponen perhotelan dalam projek mega KL Metropolis menjelang suku pertama 2017.

Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulannya, SM Faliq SM Nasimuddin berkata, ketika ini pihaknya sedang berbincang dengan empat pelabur tempatan dan asing yang terbabit dalam sektor pelaburan dan hospitaliti di Malaysia.

“Komponen perhotelan merupakan salah satu pembangunan kritikal kepada pelan induk KL

Metropolis untuk mempunyai sekurang-kurangnya sebuah hotel bertaraf empat bintang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis pengumuman Pelan Induk dan Pelancaran Galeri Pameran KL Metropolis di Menara Naza dekat sini semalam.

Menurut SM Faliq, penglibatan pelabur adalah penting dalam menjayakan pembinaan

hotel itu kerana mereka telah menyatakan minat masing-masing.

Sementara itu, pihaknya menegaskan bahawa syarikat akan menyiapkan Pusat Pameran dan


Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) terlebih dahulu untuk mengukuhkan keyakinan pelabur.

MITEC yang merupakan komponen pertama pembangunan KL Metropolis seluas 30.3 hektar di Jalan Sultan Haji Ahmad Shah di sini, dijangka beroperasi pada suku pertama tahun depan.

Dilihat sebagai ruang pameran terbesar di Malaysia, ia mempunyai keluasan lantai bersih 92,903 meter persegi.

Ia menempatkan 11 dewan pameran di tiga tingkat bangunan yang mampu menampung 40,000 pengunjung pada satu-satu masa.

Pembinaan KL Metropolis yang membabitkan nilai pembangunan kasar sebanyak RM20 bilion itu dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2023.



SM FALIQ (tiga dari kiri) melihat replika KL Metropolis pada majlis pelancaran galeri projek mega tersebut di Menara Naza, Kuala Lumpur semalam.